

**KERATAN AKHBAR-AKHBAR TEMPATAN**  
**TARIKH: 25 APRIL 2014 (JUMAAT)**

Bil	Tajuk	Akhbar
1.	Afrika Selatan, Malaysia setuju perkongsian inovatif	BERNAMA
2.	CyberSecurity Malaysia tandatangan MoU dengan Cert Australian	BERNAMA
3.	Gempa bumi kuat di Canada Region	BERNAMA
4.	Pembenihan awan tingkat paras air empangan	Harian Metro
5.	'Neraka' Skype	Harian Metro

**BERITA ONLINE  
BERNAMA.COM**  
**TARIKH: 25 APRIL 2014 (JUMAAT)**



## **Afrika Selatan, Malaysia Setuju Perkongsian Inovatif**

KUALA LUMPUR, 24 April (Bernama) -- Afrika Selatan dan Malaysia telah bersetuju untuk mengadakan perkongsian inovatif yang melambangkan satu langkah besar ke arah menghapuskan jurang sains, teknologi dan inovasi (STI).

Menteri Sains dan Teknologi Afrika Selatan, Derek Hanekom, dan **Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi Malaysia, Datuk Dr Ewon Ebin**, menandatangani memorandum persefahaman untuk memperkuuh kerjasama antara kedua-dua negara.

Dalam satu kenyataan hari Khamis, **Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi** berkata semua aspek hubungan dua hala STI antara Afrika Selatan dan Malaysia dikaji semula di Cape Town.

Kedua-dua pihak mengenal pasti bidang-bidang kerjasama khusus yang akan dibincangkan selanjutnya semasa mesyuarat pertama Jawatankuasa Bersama Afrika Selatan-Malaysia yang diadakan di Pretoria pada Jumaat.

Isu-isu itu termasuklah penyelidikan Antartika, teknologi maklumat dan komunikasi, tenaga dan keselamatan, serta inovasi bagi pembangunan terangkum.

Yang lainnya ialah penempatan manusia yang mampan, inovasi dan pengkomersialan, serta astronomi dan bioekonomi.

Kementerian itu berkata jawatankuasa bersama itu menjadi platform bagi perbincangan strategik untuk merangka satu pelan tindakan bagi dua tahun akan datang.

Kedua-dua kementerian juga sepakat tentang perlunya Afrika Selatan dan Malaysia meningkatkan kerjasama dan menggalakkan satu sama lain meningkatkan penyertaan dalam inovasi dan pengkomersialan.

Kementerian-kementerian itu juga bersetuju bahawa jawatankuasa bersama itu memberi peluang untuk membincangkan strategi terbaik untuk meningkatkan dan memperkuuh kerjasama antara Malaysia dan Afrika Selatan, jelas kenyataan itu.

-- BERNAMA

**BERITA ONLINE  
BERNAMA.COM**  
**TARIKH: 25 APRIL 2014 (JUMAAT)**



## **Cybersecurity Malaysia Tandatangan MoU Dengan Cert Australian**

KUALA LUMPUR, 24 April (Bernama) -- [CyberSecurity Malaysia, agensi di bawah Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi \(MOSTI\)](#) telah menandatangani Memorandum Persefahaman (MoU) dengan Computer Emergency Response Team Australia (CERT Australia), yang diharap dapat membuka jalan kepada lebih banyak kerjasama di masa depan.

[Ketua Pegawai Eksekutif CyberSecurity Malaysia Dr Amirudin Abdul Wahab](#) berkata MoU itu merupakan usaha sulung dua hala kedua-dua belah pihak berkaitan kerangka kerja untuk kerjasama operasi keselamatan siber.

"MoU ini penting untuk CyberSecurity Malaysia dan CERT Australia dalam meneroka potensi daya usaha bagi mengurangkan perkara berhubung jenayah siber rentas sempadan," katanya dalam satu kenyataan Khamis.

MoU itu juga, tambah beliau membolehkan pertukaran maklumat dan strategi tindak balas terhadap kejadian keselamatan siber berkesan bertujuan mengurangkan ancaman siber.

MoU lima tahun itu merangka rancangan untuk kerjasama dan perkongsian tertumpu kepada langkah menubuh dan mengukuh usaha berkaitan keselamatan siber dan tindak balas kecemasan komputer dalam mengurangkan jenayah siber.

Antara inisiatif dipersetujui kedua belah pihak termasuklah pertukaran maklumat dan mewujudkan saluran pertukaran maklumat bila perlu, di samping pertukaran tindak balas menghadapi ancaman.

Kedua-dua negara juga bersetuju mengenai cara menangani kejadian rentas sempadan dan projek keselamatan siber.

-- BERNAMA

**BERITA ONLINE  
BERNAMA.COM**  
**TARIKH: 25 APRIL 2014 (JUMAAT)**



## **Gempa Bumi Kuat Di Canada Region**

KUALA LUMPUR, 24 April (Bernama) -- Gempa bumi kuat berukuran 6.4 pada skala Richter berlaku di Vancouver Island, Canada Region pada 11.10 pagi Khamis.

Menurut kenyataan **Jabatan Meteorologi Malaysia**, pusat gempa itu terletak 49.7 darjah utara dan 127.6 darjah barat, kira-kira 328km barat laut Vancouver, Canada dan 11,197km timur laut dari Pitas, Sabah.

Bagaimanapun, gempa itu tidak mendatangkan ancaman tsunami.

-- BERNAMA

**KERATAN AKHBAR**  
**HARIAN METRO (SETEMPAT): MUKA SURAT 50**  
**TARIKH: 25 APRIL 2014 (JUMAAT)**

**Kuala Lumpur**

**Pembenihan awan  
tingkat paras  
air empangan**

Proses pembenihan awan yang dilaksanakan hampir setiap hari di kawasan tadahan diyakini mampu menyumbang kepada peningkatan paras Empangan Sungai Selangor dalam masa terdekat.

Pengarah Bahagian Sains Atmosfera dan Pembenihan Awan Jabatan Meteorologi Malaysia (JMM) Azhar Ishak berkata, di samping hujan biasa, proses pembenihan awan yang dilakukan di kawasan persekitaran tadahan yang tidak hujan membantu meningkatkan taburan hujan di kawasan berkenaan.

“Ketika proses pembenihan awan di kawasan tadahan, kawasan sekitar yang belum hujan lagi ketika itu kita lakukan proses pembenihan di situ untuk membolehkan awan itu bercantum dengan awan yang sedang hujan,” katanya.

# KERATAN AKHBAR

## HARIAN METRO (SETEMPAT): MUKA SURAT 6

### TARIKH: 25 APRIL 2014 (JUMAAT)

# ‘Neraka’ Skype

■ Penyampai TV Al-Hijrah diugut sebar video aib selepas berbual di Internet

Oleh Muhd Izawan Baharin  
dan Rizanizam Abdul Hamid  
am@hmetro.com.my  
Kuala Lumpur

“P atutlah sepanjang 10 minit perbualan kami melalui Skype, lelaki itu minta saya melakukan beberapa gerakan badan. Rupa-rupanya dia rakam dan gunakannya untuk buat tiga video pendek yang mengaibkan saya.

“Dia ugut akan musnahkan kerjaya dan masa depan saya dengan sebarkan video itu jika saya tidak mengirimkan wang RM20,000 kepadanya,” kata penyampai stesen televisyen Al-Hijrah, Amin Idris.

Amin, 33, berkata, kejadian itu berlaku pada hujung Mac lalu apabila dia menerima pesanan daripada pemilik akaun Facebook (FB) dengan nama Stevan Cruz ketika melayari laman sosial itu di rumahnya.

Menurutnya, Stevan memperkenalkan diri sebagai pegawai jabatan sumber manusia yang dilantik beberapa pengurusan kilang di Filipina dan ingin menjemputnya ke sana bagi menyampaikan ceramah motivasi kepada pekerja kilang.

“Dia kemudian mengajak saya beralih kepada Skype kerana lebih mudah untuk berbincang melalui video dan tanpa mengesyaki apa-apa saya membuka akaun Skype semata-mata mahu memenuhi pelawannya itu.

“Sepanjang kira-kira 10 minit perbualan dalam bahasa Inggeris, Stevan meminta saya supaya tidak terlalu kaku dan melakukan beberapa gerakan termasuk berdiri dan duduk. Selepas itu, dia memutuskan talian secara tiba-tiba,” katanya.

Amin berkata, dia cuba menghubungi semula Stevan melalui Skype, tetapi tidak berjaya sehingga keesokannya, lelaki itu menghubunginya melalui FB dengan meninggalkan pautan video di YouTube.

Menurutnya, Stevan turut meninggalkan pesanan dalam Bahasa Inggeris yang bermaksud ‘Hidup awak kini dalam genggaman saya. Saya siapkan video ini untuk awak. Semoga terhibur’.



## Bukan mudah

**Kuala Lumpur:** Menghasilkan video yang mengubah wajah dan tubuh seseorang memerlukan kepakaran tinggi bagi memastikan ia kelihatan seolah-olah asli.

Pegawai Siasatan Jenayah Siber dan Multimedia, Jabatan Siasatan Jenayah Komersial (JSJK) Bukit Aman Asisten Superintendend Mohd Syafiq Jinoi Abdullah berkata, untuk menghasilkan video seperti itu ia bukan sekadar menggunakan teknik ‘superimpose’ (cantum dan tampan) kerana ia sukar dilakukan.

Menurutnya, polis sudah menerima laporan daripada mangsa berhubung kejadian itu.

“Mangsa tidak sepatahnya membuat pember-

“Apabila membuka paun YouTube dilampirkannya, saya sangat terkejut dan hampir menangis apabila melihat tiga rakaman video memaparkan saya sedang minum arak, saya berhibur di diskò dan video ketiga saya melakukan onani.”

“Video itu berlitar belakangkan rumah saya dan kelihatan sangat asli seperti saya yang melakukan perbuatan itu. Jika rakaman itu tersebar pasti masyarakat mempercayainya.”

yaran kepada individu yang mengugutnya kerana kebiasaan mereka akan terus menerus meminta habuan,” katanya.

Sementara itu, Dekan Fakulti Teknologi dan Sains Maklumat Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) Profesor Dr Abdullah Mohd Zin berkata, teknologi menyunting video termasuk mengubah badan atau wajah seseorang dan digunakan dengan orang lain boleh dilakukan menggunakan perisian dan peralatan khas.

Menurutnya, untuk menghasilkan video yang disunting seperti itu memerlukan proses yang lama bergantung kepada kualiti dan durasi.

“Saya tidak menyangka ada teknologi secanggih itu dan selepas itu barulah saya terfikir, pergerakan berdiri dan duduk yang saya lakukan disunting menjadi saya membongkok untuk buka seluar dan berbogel,” katanya.

Amin berkata, Stevan kemudian memintanya membayar RM20,000 jika tidak mahu kerjayanya musnah.

Disebabkan takut, Amin berkata, dia membuat kriman wang melalui Wes-

tern Union sebanyak dua kali berjumlah RM2,000 dan RM4,000 dan Stevan menunjukkan melalui Skype, dia sudah memadamkan tiga video rekannya itu.

“Namun seperti disangka, beberapa minggu selepas itu Stevan kembali di akaun FB saya, tetapi kali ini menggunakan nama Hazel Gomez dan kali ini mengugut saya menyerahkan RM200,000 sekiranya tidak mahu video itu terserbar.

“Dia beri masa tiga jam untuk mengirimkan wang, tetapi saya tidak layan walaupun beberapa kali diugut. Akhirnya selepas memikirkan ugutan yang akan terus diterima, saya membuat laporan di Balai Polis Batu Caves pada 15 April lalu.

“Saya juga membuat laporan kepada Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM), Cyber Security Malaysia dan YouTube serta menjelaskan kejadian yang menerima itu di FB sebagai persediaan sekiranya video berkenaan tersebut,” katanya.

Menurutnya, Stevan kembali mengugutnya baru-baru ini, tetapi kali ini menggunakan akaun FB dengan gambar wanita seksi dikenali Cristine Cruz selepas dua kali dia menyekar nama Stevan Cruz dan Hazel Gomez.

Bagaimanapun, kali ini menurut Amin, dia tidak membidas pesanan dan ugutan berkenaan kerana sudah menyerahkannya kepada pihak berkuasa.